



SURAT PEMBERITAHUAN

JABATAN BURUH
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
BIL.05/2018

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

PERUBAHAN TERKINI MENGENAI PERMOHONAN LESEN PEKERJA ASING (LPA)

Dengan hormat sukacita dimaklumkan bahawa bermula **1hb Ogos 2018** bersamaan dengan **19hb Zulkaedah 1439**, Jabatan Buruh akan membuat beberapa perubahan mengenai dengan jenis dan kategori permohonan iaitu menjadikan permohonan LPA hanya 2 kategori permohonan iaitu permohonan **LPA Baru** dan **LPA Membaharui**. Selain daripada perubahan yang disebutkan di atas perubahan juga turut melibatkan penggunaan **Borang LPA** dan **Borang Pengesahan Alamat**.

Penerangan bagi perubahan – perubahan tersebut adalah seperti berikut:

A. JENIS PERMOHONAN YANG DITERIMA MENGIKUT KATEGORI

Jenis permohonan yang diterima mengikut kategori adalah seperti berikut:

BIL.	JENIS PERMOHONAN	KATEGORI
1.	Pekerja Baru/Lesen Baru	Baru
2.	Pekerja Tambahan/Lesen Tambahan	Baru
3.	Pengesahan Pembatalan	Baru
4.	Penggantian Pekerja	Baru
5.	Membaharui Pekerja Sedia Ada/Lesen Membaharui	Membaharui
6.	Pertukaran Kontrak Pekerjaan (<i>Transfer</i>)	Membaharui
7.	Menukar Jawatan	Membaharui
8.	Menukar Kadar Gaji	Membaharui
9.	Menukar Nama Syarikat	Membaharui
10.	Pengesahan Salinan Asal Lesen (<i>CTC</i>)	Membaharui
11.	Pembatalan Lesen Pekerja Asing LPA/Kuota	Membaharui

28.

Tafsiran Permohonan Baru Dan Membaharui:

Permohonan Baru: Pekerja yang dipohonkan **belum** ada di Negara Brunei Darussalam iaitu semua Permohonan Lesen Baru dan Lesen Tambahan LPA.

Permohonan Membaharui: Pekerja yang dipohonkan **sudah** ada di Negara Brunei Darussalam iaitu semua permohonan Lesen Membaharui, Pertukaran Kontrak, Pertukaran Jawatan, Naik Gaji, Tukar Nama Syarikat, Pengesahan Salinan Asal Lesen (CTC).

B. BORANG BARU LESEN PEKERJA ASING (LPA)

Sepertimana yang sedia maklum sebelum ini permohonan LPA menggunakan sebanyak **5 jenis Borang** yang berbeza mengikut jenis permohonan. Sehubungan dengan itu bagi memudahkan dan melancarkan proses permohonan, satu borang baru akan digunakan bagi menggantikan borang-borang yang sedia ada yang mana permohonan LPA hanya menggunakan **satu borang sahaja** bagi semua jenis permohonan.

C. BORANG PENGESAHAN ALAMAT DI DALAM LESEN PEKERJA ASING

Selain daripada penggunaan Borang Baru untuk Lesen Pekerja Asing, Borang Pengesahan Alamat juga akan digunakan bagi mengesahkan alamat-alamat yang dinyatakan dalam Lesen Pekerja Asing iaitu **tempat kegiatan syarikat** termasuk **pejabat** dan **alamat-alamat semua cawangan** bagi perusahaan/syarikat dan juga **alamat-alamat kediaman/tempat tinggal pekerja asing** di bawah jaminan syarikat tersebut.

Setiap majikan adalah **DIMESTIKAN** untuk mengisi borang ini bagi pengemaskinian alamat dengan menyertakan **Tenancy Agreement** bagi penyewaan tempat-tempat berkenaan. Begitu juga jika sekiranya ada **tambahan** tempat kegiatan, pejabat, cawangan baru dan juga tempat tinggal pekerja yang baru.

Majikan hendaklah mengisikan **Satu Borang Pengesahan Alamat bagi setiap kegiatan /mengikut rujukan PJB.**

Untuk makluman **BORANG LESEN PEKERJA ASING LPA** yang terkini dan juga **BORANG PENGESAHAN ALAMAT** bolehlah dimuat turun nanti melalui laman sesawang Jabatan Buruh www.labour.gov.bn.

Sekian disampaikan untuk makluman mengenainya.


[ZULHILMI BIN HAJI ABIDIN]

Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Buruh
bp. Pesuruhjaya Buruh

Tarikh: 4 Zulkaedah, 1439 / 17 Julai, 2018 (Selasa)
Ruj: PJB/3000/213/3